

Newspaper	Berita Harian
Date	18 May 2015

DAKWAAN LETAK JAWATAN SPEAKER DEWAN RAKYAT

BH-18/5/2015

Usah percaya Tun M: Pandikar Amin

» *Kenyataan tersebar mungkin tidak mengikut konteks sebenar*

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah
bhnews@bh.com.my

► Kota Belud

Tan Sri Pandikar Amin Mulia berkata, dakwaan beliau meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat seperti dinyatakan Tun Dr Mahathir Mohamad, tidak perlu diperbesarkan kerana beliau sudah menafikannya.

Pandikar Amin berkata, bekas Perdana Menteri itu bukanlah orang yang berwajib untuk membuat pengumuman berhubung peletakan apa-apa jawatan penting, termasuk jawatan Yang Dipertua Dewan Rakyat disandangnya sekarang.

Katanya, kenyataan Dr Mahathir berhubung peletakan jawatannya seperti tersebar di media sosial dan portal berita kelmarin, mungkin tidak dilaporkan mengikut konteks sebenar.

Hanya PM berhak buat pengumuman

Beliau juga menegaskan, hanya Perdana Menteri berhak membuat pengumuman mengenai



Pandikar Amin ketika melawat ruang pameran pada majlis perasmian program BE Skils GiatMARA Sabah 2015 di Pusat GiatMARA Kota Belud. (FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH)

perkara itu selepas menerima surat peletakan jawatan daripada mana-mana juga pemimpin yang berhasrat berbuat demikian.

"Setahu saya apabila seseorang itu letak jawatan, peletakan jawatan itu harus ditujukan kepada orang yang berwajib... dalam hal ini siapa yang berwajib? Terpulung kepada

orang berwajib untuk menerima atau tidak, baru pengumuman dibuat," katanya selepas merasmikan program BE Skils GiatMARA Sabah 2015 di Pusat GiatMARA di sini, semalam.

Beliau mengulas berita peletakan jawatannya yang tersebar berdasarkan kenyataan Dr Mahathir dalam satu majlis di Ipoh, kelmarin.

Teruskan tugas

Dr Mahathir antara lain dilaporkan menyebut Pandikar Amin ada menemuinya dan menyatakan hasrat meletakkan jawatan sebelum ia tersebar di portal berita dan media sosial.

Bagaimanapun, Pandikar Amin dalam kenyataan akhbar dikeluarkan pejabatnya di Kuala Lumpur malam kelmarin, me-

negaskan beliau tidak meletak jawatan dan akan meneruskan tugas serta tanggungjawab mempengerusikan persidangan Dewan Rakyat.

Pandikar Amin berkata, ketika laporan itu tersebar, beliau berada di kampungnya di sini dan dia tidak mengetahui apa dilaporkan media sehinggalah jam 10.30 malam kelmarin.

"Menurut apa yang dilaporkan bahawa saya telah meletak jawatan, tetapi apa yang disebut oleh Dr Mahathir secara verbal dari mulut dia saya tidak dengar. Dia tidak sebut bila kami berjumpa," katanya.

Beliau mengakui ada berjumpa dengan Dr Mahathir untuk berbincang mengenai isu politik semasa dalam negara kerana mahu mendengar pendapat bekas Perdana Menteri itu, termasuk punca penyebabnya tidak menyokong lagi Datuk Seri Najib Razak.

Dalam pertemuan itu, Pandikar Amin berkata, beliau ada menyuarakan pendapatnya mengenai keadaan persidangan di Dewan Rakyat.

"Dr Mahathir adalah mentor saya. Beliau adalah guru politik kepada semua pemimpin di Malaysia. Maknanya kalau pemimpin seperti saya yang kerdil ini, pemimpin kampung ini, berhadapan atau bertemu dengan Dr Mahathir untuk bincang mengenai politik semasa, saya rasa bukan perkara yang luar biasa," katanya.